

Filipina
tak dapat
kawal
komunis
jika tak
disokong
rakyat

UM 21 OCT 1985

NASSAU, Bahamas 20
Okt. — Pemberontakan
komunis di Filipina mung-
kin tidak dapat dikawal jika
kerajaan Presiden Fer-
dinand Marcos tidak men-
dapat sokongan yang lebih
besar dari rakyat, kata
Perdana Menteri Datuk
Sri Dr. Mahathir Moha-
mad di persidangan ke-
muncak Komanwel di sini.

Dalam satu temuramah,
Datuk Sri Dr. Mahathir
Mohamad juga berkata
beliau khuatir bahawa sen-
jata - senjata Amerika
yang dijual kepada China
mungkin pada suatu hari
nantinya akan digunakan ter-
hadap negara - negara jir-
an China.

"Kita harap Kerajaan
Filipina akan mempelajari
pengalaman jiran - jiran-
nya bahawa cara paling
baik untuk mengendalikan
keadaan ialah menerima
hakikat mengenai hasrat

LIHAT MUKA 6

Sukar kawal komunis tanpa sokongan rakyat

UM 21 OCT 1985

rakyat, iaitu keperluan
keperluan rakyat," kata
beliau.

"Jika majoriti rakyat
berdiri di belakang keraja-
an dan menyokong per-
juangan menentang kega-
nasan, maka tidaklah ada
masalah," kata Datuk Sri
Dr. Mahathir.

"Sokongan beginilah
yang mendatangkan ke-
jayaan kepada Malaysia
untuk menghancurkan
pemberontakan komunis
sejurus selepas negara ini
mencapai kemerdekaan
dari Britain dalam tahun
1957," tegas beliau lagi.

"Tetapi jika kerajaan ti-
dak terdaya mendapatkan
sokongan rakyat, mereka
mungkin berpaling kepada
pengganas yang dianggap
sebagai penyelamat mere-
ka," kata Datuk Sri Dr.
Mahathir. "Maka saya ti-
lak fikir kerajaan boleh
menghancurkan pember-
ontakan seperti itu.

Mengenai China, Datuk
Sri Dr. Mahathir berkata:

"Saya fikir Amerika
Syarikat hendaklah berhati-
hati sepenuhnya dalam
soal membekalkan senjata
kepada China. Sesuatu
langkah yang mungkin
menjadikan China terlalu
kuat mungkin akan men-
dorongkan golongan ter-
tentu dalam pucuk pimpin-
an China untuk mengam-
bil alih kuasa dan meng-
amalkan dasar meluaskan
wilayah."

"Yang membimbangkan
kami di Malaysia ialah ba-
hawa China nampaknya
kerap kali berpusing 180
darjah. Pada masa ini ia
meminati sistem pasaran
bebas Barat di samping
cuba terus menjadi sebuah
negara sosialis.

"China mungkin men-
jadi amat kaya dan amat
kuat. Jika ketika itu ada
orang yang cuba memujuk
China supaya mengubah

semua kepada dasar asal-
nya, kita percaya ia akan
terpengaruh untuk berbuat
demikian."

Mengenai lain-lain is-
sue, Datuk Sri Dr. Mahathir
mengemukakan Amerika Syari-
kat kerana enggan meng-
gunakan sekatan yang le-
bih ketat ke atas Afrika
Selatan untuk memaksa
negara itu memansuhkan
dasar aparteidnya.

"Amerika tidak mahu
duduk berunding dengan
pengganas - pengganas
Arab, tetapi sanggup ber-
unding dengan pengganas
- pengganas Israel," kata
beliau. "Jika anda (Ameri-
ka) mahu Arab meng-
hentikan keganasan, anda
hendaklah juga meminta
Israel berbuat demikian.

"Kita tidak dapat me-
nyetujui yang anda mem-
balas keganasan dengan
keganasan," kata Datuk
Sri Dr. Mahathir lagi. —
AP.